
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

YKT 214 – Teknologi Komunikasi

Masa : 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Pasaran media global didominasikan oleh lebih kurang sepuluh konglomerat media, kebanyakannya berpusat di Amerika Syarikat dan beroperasi dalam pasaran oligopolistik. Bincang dengan contoh-contoh bagaimana corak pemilikan ini mengukuhkan imperialisme budaya.
2. "Komputer, telefon, radio dan satelit ialah teknologi yang membebaskan masyarakat..." Ithiel de Sola Pool (1983). Nilaikan secara kritis kenyataan ini.
3. Dengan merujuk kepada isu-isu wanita dari tahun 1980an hingga sekarang, bincangkan dengan contoh-contoh sejauh mana teknologi baru komunikasi memperkasakan wanita.
4. Gelombang Ketiga (*Third Wave*) mengubah pengeluaran berasaskan mesin kepada pengeluaran berasaskan komputer dan informasi, seterusnya dapat memperbaiki kehidupan kelas pekerja. Bincang.
5. Tuntutan untuk *New World Information and Communication Order (NWICO)* di tahap antarabangsa tidak memadai tanpa perubahan dalam struktur komunikasi tidak seimbang di negara Dunia Ketiga. Bincang dengan contoh-contoh.